

Untuk Siaran Segera

LHDNM/2020/08/04 - 56

### PEJABAT SATELIT LAHAD DATU, SABAH BEROPERASI MULAI 10 OGOS 2020

Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia (LHDNM) ingin memaklumkan bahawa Pusat Khidmat Hasil (PKH) Lahad Datu telah berpindah dan dinaik taraf kepada Pejabat Satelit Lahad Datu.

Pejabat Satelit Lahad Datu ini akan mula beroperasi pada 10 Ogos 2020 (Isnin) dan merupakan Pejabat Satelit LHDNM yang ketiga selepas Pejabat Satelit Cyberjaya, Selangor dan Pejabat Satelit Batu Pahat, Johor.

Pejabat Satelit LHDNM berfungsi sebagai pusat sehenti (*one stop centre*) LHDNM yang terletak di luar kawasan cawangan utama dengan tujuan untuk mendekatkan perkhidmatan LHDNM kepada pembayar cukai / pelanggan di samping memberikan perkhidmatan yang lebih meluas berbanding PKH termasuklah perkhidmatan percukaian, duti setem serta perkhidmatan lain.

Maklumat Pejabat Satelit Lahad Datu adalah seperti berikut:

**PEJABAT SATELIT LAHAD DATU**  
**NO.9, 10, 11 & 12, TINGKAT BAWAH**  
**BLOK A, HARBOUR TOWN**  
**91100 LAHAD DATU, SABAH**

**No. Telefon : 089-888 340 / 089-883 792**

**No. Faksimile : 089-889 446**

Pejabat Satelit Lahad Datu ini berada di bawah seliaan LHDNM Cawangan Tawau.

Antara perkhidmatan yang akan disediakan adalah:

1. Percukaian;
2. Duti Setem;
3. Bantuan Sara Hidup; dan
4. ez-HASiL (e-Filing, e-Daftar, ByrHASiL dan lain-lain).

Untuk sebarang maklumat lanjut, sila layari portal rasmi LHDNM di [www.hasil.gov.my](http://www.hasil.gov.my).

Sebarang pertanyaan dan maklum balas berkaitan perkara ini juga boleh diajukan kepada LHDNM melalui:

- a) Hasil Care Line (HCL) di talian 03-8911 1000 / 603-8911 1100 (Luar Negara);
- b) HASiL Live Chat;
- c) Borang Maklum Balas di portal rasmi LHDNM di pautan pantas

<https://maklumbalaspelanggan.hasil.gov.my/MaklumBalas/ms-my/>; dan



- d) Media Sosial Rasmi LHDNM iaitu;
- Facebook - <https://www.facebook.com/LHDNM>
  - Twitter - <https://twitter.com/LHDNMofficial>

# # #

**SEKIAN, TERIMA KASIH**



---

**Dikeluarkan Oleh:**  
**Bahagian Komunikasi | Pejabat Ketua Pegawai Eksekutif**  
**Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia**

☎ : 03-8313 8888 samb. 21658/21666/21695/21674/21663 | 📠 : 03-8313 7873  
Hasil Care Line : 03-8911 1000 / 603-8911 1100 (luar negara)  
Portal Rasmi : [www.hasil.gov.my](http://www.hasil.gov.my)

**Tarikh: 04 Ogos 2020**

LHDN  
MALAYSIA



/LHDNM



@LHDNMofficial



LHDNM



LhdnTube